

## *Meningkatkan Kemahiran Bertutur Berdasarkan Gambar Melalui Portal SLS*

**Asmidah Mohd Jailani**

asmidah\_mohd\_jailani@schools.gov.sg

**Hajjah Marzia Abdul Rahman**

hajjah\_marzia@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Fuchun**

### *Abstrak*

Murid seringkali menghadapi kesukaran ketika ingin menyampaikan penceritaan mengenai gambar semasa ujian lisan secara spontan dengan lancar. Berikutan daripada masalah itu, kajian ini menggunakan portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) yang bertujuan untuk membantu dan membolehkan murid berlatih bertutur mengenai gambar-gambar lisan secara sendiri di luar waktu sekolah. Rakaman pertuturan dapat dikongsi dengan rakan-rakan serta dipantau oleh guru. Teknik penyooalan SAMMB♥B (Siapa, Apa, Mana, Mengapa, Bila, Perasaan, Bagaimana) digunakan sebagai panduan bagi murid untuk bertutur tentang gambar dengan menggunakan pelbagai kosa kata yang lebih tepat dan isi-isi yang lebih sesuai, tersusun dan gramatis.

Kata Kunci: lisan bergambar, SLS, respons, sendiri, pantau

## **PENGENALAN**

Sesuai dengan model kurikulum Bahasa Melayu yang memberi tumpuan kepada Pelajar Aktif, Pengguna Cekap, murid merupakan tumpuan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran bertutur berdasarkan gambar dalam kalangan murid. Kemahiran bertutur menjadi tumpuan dalam kajian ini kerana kemahiran ini merupakan kemahiran asas yang diperlukan oleh seseorang murid agar menjadi pengguna bahasa Melayu yang berkesan. Pemberatan yang diberikan terhadap kemahiran bertutur juga telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian agar murid dapat menggunakan kemahiran tersebut untuk berkomunikasi dengan fasih, yakin, cekap dan berkesan.

Kemahiran bertutur dapat dipupuk melalui pelbagai pengalaman di sekolah, contohnya, perbincangan, perbualan dan aktiviti-aktiviti pengayaan seperti aktiviti drama dan pertuturan, unjuk dan ujar. Melalui analisis pengkaji, didapati bahawa murid Darjah 4 kurang mampu bertutur mengenai gambar kerana penguasaan kosa kata dan struktur ayat yang lemah.

Kajian untuk meningkatkan kemahiran bertutur ini telah dijalankan dengan menggunakan portal SLS yang membolehkan murid berlatih bertutur dan membuat rakaman secara sendiri. Murid dapat merakam pertuturan mereka dan menilai tahap pencapaian mereka sebelum menghantar rakaman untuk disemak. Rakaman juga dapat dinilai oleh rakan untuk dijadikan contoh agar murid dapat meningkatkan kemahiran mereka sendiri.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan keputusan ujian lisan akhir tahun darjah 3 dan juga maklum balas daripada para guru yang mengajar murid Darjah 4, menunjukkan bahawa murid kurang yakin dan mahir ketika bertutur dalam bahasa Melayu.

Semasa pembelajaran lisan, guru mendapati bahawa murid agak sukar untuk bercerita atau bertutur tentang gambar lisan kerana penguasaan kosa kata mereka dalam bahasa Melayu amat terhad. Murid juga didapati teragak-



agak ketika bertutur mengenai gambar yang diberikan dan terdapat kesalahan dalam ayat-ayat yang digunakan. Murid bertutur dengan menggunakan ayat yang tidak gramatis atau menggunakan bahasa Inggeris apabila tidak dapat menyatakan pandangan atau pendapat mereka dalam bahasa Melayu. Masalah ini menjejaskan keyakinan mereka bertutur secara spontan dengan fasih dan berkesan.

Demi menangani masalah ini, pengkaji menggunakan strategi SAMMB♥B (Siapa, Apa, Mana, Mengapa, Bila, Perasaan, Bagaimana) agar murid dapat merangka ayat-ayat secara spontan dan teratur serta mampu bertutur dengan lancar dan yakin. Portal SLS digunakan sebagai alat untuk memudah cara pengajaran dan pembelajaran.

Dengan menggunakan portal SLS, murid dapat membuat latihan di rumah secara sendiri. Latihan di luar masa kurikulum amatlah penting kerana keterbatasan waktu bersama guru di kelas. Dengan membuat rakaman perbualan murid melalui portal SLS, murid dapat memperbaiki cara mereka bertutur kerana mereka dapat mendengar semula perbualan mereka. Murid juga dapat mendengar rakaman rakan-rakan mereka dan menilai pencapaian mereka sendiri kerana rakaman rakan-rakan dapat dijadikan contoh untuk meningkatkan tahap kemahiran murid tersebut.

Menurut Dancer & Kamvounias, (2005), kebaikan menilai secara sendiri antaranya dapat membantu murid menjadi lebih peka dan bertanggung jawab terhadap proses pembelajaran mereka sendiri. Melalui penilaian rakan-rakan pula, murid akan lebih bersedia untuk memberikan maklum balas yang membina dan menerima serta bertindak terhadap maklum balas yang diterima. Proses ini amat membantu murid menjadi lebih yakin.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian dijalankan untuk melihat keberkesanan strategi penyoalan SAMMB♥B dalam membantu meningkatkan keupayaan murid bertutur. Seajar dengan matlamat Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah rendah untuk membolehkan murid berkomunikasi secara efektif dalam



bahasa Melayu dalam kehidupan seharian, diharapkan strategi yang dipilih dapat meningkatkan kemahiran bertutur murid dan sekali gus meningkatkan keyakinan mereka bertutur berdasarkan konteks berkaitan dengan diri dan persekitaran mereka.

Teknik penyoalan digunakan kerana para guru perlu bertanyakan soalan yang memerlukan murid berfikir. Dengan menerapkan teknik penyoalan Taksonomi Bloom, murid dapat menyusun pemikiran mereka dari tahap yang rendah ke tahap yang lebih tinggi. Soalan-soalan 'Siapa', 'Apa', 'Di mana' dan 'Bila' dapat menilai persiapan murid dalam memahami tugas yang diberikan dan menilai kekuatan dan kelemahan murid.

Soalan-soalan 'Mengapa' dan 'Bagaimana' merupakan soalan tahap yang lebih tinggi di mana soalan seperti ini memerlukan murid untuk berfikir secara kritis. Soalan-soalan ini juga merangsang murid untuk berbincang dan menggalakkan mereka untuk mencari informasi secara sendiri.

Penggunaan strategi SAMMB♥B menjadi rangka untuk membantu murid memulakan dan menyusun penceritaan tentang gambar yang diberikan. Kajian yang menggunakan portal SLS ini juga membantu murid menyumbang saran pelbagai kosa kata yang bakal digunakan untuk membina ayat-ayat yang gramatis. Portal SLS juga dapat membantu murid yang kurang berkeyakinan untuk merakam dan mengulang rakaman pertuturan mereka untuk mencapai tahap kemahiran yang diinginkan. Tujuan kajian bersandarkan hasil pembelajaran khusus dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (2015). Murid diharapkan dapat menceritakan sesuatu perkara dengan tepat menggunakan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul. Dengan usaha ini, keyakinan diri murid semasa bercerita atau bertutur tentang gambar yang diberikan akan meningkat.

## **KAJIAN LEPAS**

Menurut kajian yang dijalankan, Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan Literasi Bahasa Melayu, penggunaan teknologi dewasa ini memang tidak dapat disangkal lagi. Teknologi merupakan alat bantu mengajar yang dapat



membantu pencapaian murid menguasai aspek bahasa dengan baik (Dowling, 1999; Giesert & Futrell, 1990; Mahzan Arshad, 2003).

Berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan, teknologi memberikan kesan yang signifikan terhadap pencapaian murid sama ada dalam bidang penulisan, pembacaan mahu pun pertuturan. Teknologi mampu merangsang deria murid terutama deria penglihatan di mana kesannya lebih tinggi dalam proses pembelajaran berbanding deria yang lainnya (Heinich, 1996).

Dengan menggunakan portal SLS, murid berasa ghairah dan tidak sabar mahu menyelesaikan tugas mereka melalui alat bantu yang mereka gemari. Penggunaan teknologi bagi murid bukan sahaja mendatangkan keseronokan, malah dapat menjadikan mereka lebih tekun berusaha kerana mereka dapat mendengar semula rakaman mereka untuk meningkatkan diri.

Murid juga lebih fokus semasa pembelajaran ICT. Justeru, penggunaan pembelajaran sendiri yang berpusatkan murid amat menyokong usaha kajian ini. Melalui pengalaman belajar secara sendiri, murid melibatkan diri sepanjang pembelajaran. Murid juga dapat autonomi mengenai pengalaman belajar kerana mempunyai kesan yang positif dalam membentuk motivasi dalaman murid terhadap pembelajarannya (Hardre & Reeve, 2003; Standage, Duda, & Ntoumanis, 2005; Valas & Sovik, 1993).

## **KAEDAH KAJIAN**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) yang bertujuan untuk membantu dan membolehkan murid berlatih bertutur mengenai gambar-gambar lisan secara sendiri di luar waktu sekolah. Rakaman pertuturan dapat dikongsi dengan rakan-rakan serta dipantau oleh guru. Teknik penyoalan SAMMB♥B (Siapa, Apa, Mana, Mengapa, Bila, Perasaan, Bagaimana) digunakan sebagai panduan bagi murid untuk bertutur tentang gambar dengan menggunakan pelbagai kosa kata yang lebih tepat dan isi-isi yang lebih sesuai, tersusun dan gramatis.



## Subjek Kajian

Kajian dijalankan bersama 60 orang murid Darjah 4. Murid-murid ini terdiri daripada pelbagai tahap pencapaian Bahasa Melayu. Kumpulan murid ini dipilih kerana mereka kurang berkeyakinan ketika bertutur dan bagi tahap yang rendah, murid mempunyai penguasaan kosa kata dan idea yang lemah. Guru-guru yang mengajar dilengkapi dengan rancangan pelajaran dan bahan-bahan pengajaran yang diperlukan untuk menjalankan pengajaran. Rancangan pelajaran dan bahan-bahan telah disiapkan bersama oleh guru-guru yang terlibat semasa mesyuarat perbincangan. Pemantauan dan rakaman video dilakukan untuk membantu menganalisa pengajaran dalam kelas. Para guru turut mengadakan perbincangan seterusnya untuk memperhalusi kajian setelah pengajaran dijalankan.

## Instrumen Kajian

Kajian dijalankan secara '*within participant*' untuk melihat tahap pencapaian murid itu sendiri. Para guru tidak mahu murid tahap tinggi terlepas peluang untuk meraih daripada manfaat kajian yang dijalankan. Oleh yang demikian, guru-guru perlu mengambil kira kandungan yang sesuai mengikut profil dan kesediaan murid. Setelah guru-guru berbincang dan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi, guru-guru bersepakat untuk menggunakan portal SLS kerana kelebihannya dalam menangani masalah. Setelah menyelaraskan kandungan yang akan diajar dengan matlamat pelajaran, guru-guru persiapkan rancangan pengajaran untuk digunakan semasa kajian dijalankan. Terdapat juga pengintegrasian kandungan kecekapan abad ke-21.

Idea dan bahan pengajaran lisan yang sedia ada telah digunakan kerana kesediaan bahan-bahan tersebut dan kesesuaiannya. Guru-guru perlu menyuntik keseronokan murid agar murid terdorong dan terangsang dalam menyelesaikan tugas. Dengan penggunaan komputer dan platform SLS, murid dengan rela menerima pelajaran kerana ghairah dengan alat ICT tersebut.



Aktiviti merakam audio perbualan dijalankan menerusi portal SLS kerana kelebihan yang disediakan oleh platform tersebut. Dengan menyediakan tugas yang bermakna dalam portal ini, murid mampu meningkatkan kemahiran bertutur kerana mereka melakukan penilaian sendiri sebelum menghantar tugas terbaik mereka kepada guru.

Penilaian sendiri jika dilihat sebagai suatu proses pembelajaran. Sefton-Green (2004) menerangkan bahawa penilaian juga merupakan pengajaran dan pembelajaran yang merangsang sendiri. Kementerian Pelajaran (2011) di Singapura menerangkan bahawa murid yang mempunyai arah sendiri adalah murid yang mampu menetapkan matlamat pembelajaran dan merenung pembelajaran serta menggunakan maklum balas untuk meningkatkan kemahirannya. Hal ini juga merupakan hasil pembelajaran yang perlu dicapai untuk memupuk pelajar abad ke21.

## **Prosedur Kajian**

Pada awal pembelajaran, guru menyediakan permainan Jigsaw menggunakan gambar lisan yang dipilih sebagai imejan bagi merangsang minat mereka. Murid dalam kumpulan memilih kepingan-kepingan gambar dan menyatakan kata nama, kata kerja atau kata adjektif yang berkaitan dengan kepingan gambar tersebut. Langkah ini dijalankan untuk menggalakkan pelibatan murid dan menyiapkan serta membantu murid menyumbang saran kosa kata yang sesuai berkaitan gambar. Kosa kata yang disumbang saran digunakan dalam tugas bertutur/bercerita yang akan dijalankan. Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi ini tidak secara langsung menyediakan peluang dan ruang untuk murid bertutur dengan rakan sebaya mereka.


Murid kemudiannya menyusun kepingan gambar tersebut agar dapat menjadi gambar lisan penuh. Guru menjelaskan matlamat pembelajaran kepada murid supaya mereka tahu apa yang akan mereka pelajari. Objektif yang jelas penting kerana dapat membantu murid dan guru fokus dalam pengajaran dan pembelajaran. Cara ini juga memberikan peluang kepada murid untuk menilai pembelajaran mereka dan memastikan jika mereka telah mencapai objektif di akhir pelajaran. Menurut satu kajian, strategi menyatakan objektif dan menilai



pembelajaran memberi kesan yang positif terhadap pencapaian murid.

Selanjutnya, murid diberikan kad-kad penyata SAMMB♥B untuk membantu murid menyusun langkah dan melakarkan cerita mengenai gambar lisan tersebut. Kad-kad ini menjadi alat bantu mengajar yang dapat murid gunakan untuk membuat latihan bertutur. Jenis-jenis soalan sesuai dengan matlamat pembelajaran dan mengikut taksonomi. Pada awal kajian, murid diberikan soalan-soalan agar pemikiran dan pertuturan mereka tersusun dan ayat-ayat yang dibina gramatis (Jadual 1). Murid juga diberikan penyusunan grafik agar mereka dapat mencatatkan idea dan pemikiran mereka secara bertulis. Contoh-contoh soalan untuk membantu murid berfikir adalah seperti yang terdapat dalam Rajah 1.

### Rajah 1: Contoh Gambar dan Soalan-soalan Panduan Berdasarkan SAMMB♥B



(mana)? di per \_\_\_\_\_ sekolah \_\_\_\_\_ (bila masanya)? pada \_\_\_\_\_  
(siapa)? beberapa orang m \_\_\_\_\_ (bagaimanakah keadaannya)? r \_\_\_\_\_  
bi \_\_\_\_\_  
(apa yang berlaku)? duduk dan mem \_\_\_\_\_  
berbual dengan \_\_\_\_\_  
seorang ketua murid menyuruh \_\_\_\_\_  
(menyapa)? meng \_\_\_\_\_ murid lain \_\_\_\_\_  
Perasaan? \_\_\_\_\_  
Kalau saya ada di situ, \_\_\_\_\_

*\*terdapat 5 gambar yang berlainan bagi 5 pelajaran lisan: di perpustakaan, di kolong blok, di stesen MRT, di pusat makanan, Persiapan Hari Kebangsaan.*





**Jadual 1 : Contoh-contoh Soalan Panduan**

<p>SAMMB♥B</p> <p><b>Siapakah</b> di dalam gambar?  <b>Apakah</b> yang (siapa) sedang lakukan?  <b>Di manakah</b> mereka (siapa)?  <b>Mengapakah</b> (siapa) di situ / buat begitu (apa)?  <b>Bilakah</b> kejadian itu berlaku?  <b>Perasaan</b> (siapa melakukan apa)?  <b>Bagaimanakah</b> perasaan kamu? (jika berada di situ)</p>	<p>Panduan memulakan penceritaan:</p> <p>Gambar ini menunjukkan di (<b>mana</b>)?          Saya lihat ada (<b>siapa</b>)?          Mereka sedang (<b>buat apa</b>)?          Saya rasa apa yang mereka lakukan adalah betul / salah kerana .....          Jika saya berada di situ, saya akan .....          Pada pendapat saya...</p>
---	--

Setelah murid dilatih untuk bertutur mengikut idea-idea yang tersusun, murid perlu menyiapkan tugas merakam perbualan mereka menggunakan portal SLS. Tahap perancangan yang diberikan kepada murid berbeza-beza mengikut tahap pencapaian murid. Dengan menggunakan fleksibiliti ini, guru hanya perlu merancah murid yang memerlukan sokongan tambahan dan memberikan murid lain tanggungjawab untuk meningkatkan kemahiran mereka secara sendiri. Gambar lisan dimuat naik ke portal SLS agar murid dapat melihat gambar melalui talian sekali gus merakamkan pertuturan mereka. Aktiviti ini dijalankan di rumah kerana dengan cara ini, guru dapat memperkasakan kemahiran bertutur murid dengan memberi mereka ruang, peluang dan lebih banyak masa untuk mendengar semula rakaman masing-masing dan memperbaiki keupayaan mereka untuk berlisian tanpa sebarang tekanan.

Jika murid tidak berpuas hati dengan rakaman pertama, mereka dapat merakam semula pertuturan mereka dan menyemak atau perbaiki mana-mana bahagian yang dirasakan perlu. Murid dapat melakukan refleksi untuk memperbaiki pertuturan mereka. Melalui cara ini, murid juga dapat melatih diri untuk menguasai pembelajaran dan meningkatkan pencapaian. Murid juga dapat berkongsi rakaman mereka bersama rakan-rakan yang lain.

Perkongsian ini membantu murid mendapat maklumat dan maklum



balas mengenai pencapaian mereka daripada rakan sebaya. Secara tidak langsung, murid juga dapat mendengar rakaman rakan-rakan yang lain dan melakukan perbandingan serta menilai rakan. Dengan menggunakan rubrik yang telah diperkenalkan kepada murid, mereka mampu menilai kebolehan rakan mereka dan menambah nilai kemahiran mereka untuk penceritaan seterusnya. Cara ini menyokong pembelajaran secara sendiri.

Selanjutnya, murid menghantar tugas kepada guru melalui portal yang sama. Guru dapat mendengar rakaman murid, memantau pemahaman dan menilai tahap pencapaian mereka. Guru memberikan maklum balas berupa komen kepada murid. Dengan cara ini, guru juga mampu mengenal pasti rakaman murid yang tinggi nilainya dan menjadikan rakaman tersebut sebagai contoh kepada murid yang lain semasa pembelajaran seterusnya.

Guru menggunakan rubrik untuk menilai pencapaian murid secara formatif. Tan, Divaharan, Tan, dan Cheah (2011) mengesyorkan penggunaan rubrik dan portfolio kerana cara ini memberi penekanan terhadap cara untuk mengembangkan pembelajaran di dalam bilik darjah. Murid yang masih lemah akan dibantu melakukan latihan bersama rakan sebaya. Dengan menggunakan contoh juga, guru berkongsi dan memberikan penerangan yang jelas tentang tahap yang perlu dicapai murid. Cara ini membantu murid lebih memahami kehendak pencapaian kerana guru melakukan tunjuk cara yang lebih terperinci.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan tentang keberkesanan kajian ini dibentangkan secara kuantitatif, iaitu, berdasarkan prestasi setiap murid di dalam ujian Lisan, khususnya bahagian pertuturan bagi Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun. Jadual 2 di bawah menunjukkan pencapaian murid bagi kedua-dua ujian tersebut.



**Jadual 2: Pencapaian Murid (SA1 dan SA2)**

<b>Pencapaian</b>	<b>Peratusan Murid (%)</b>
Meningkat	38.3
Tiada Perubahan	38.3
Menurun	23.3

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat 38.3% murid telah memperoleh peningkatan markah semasa ujian akhir tahun. Murid ini meraih antara 1-6 markah berbanding ujian pertengahan tahun. Murid ini juga merupakan murid yang lemah dalam penguasaan bahasa Melayu mereka. Jumlah murid yang tidak menunjukkan peningkatan markah adalah 38.3% sementara 23.3% murid menunjukkan kemerosotan markah. Secara keseluruhan, murid didapati lebih yakin dan mampu bertutur dalam bahasa Melayu dan kemerosotan markah secara purata hanyalah 1-2 markah.

Melalui dapatan ini, dilihat bahawa penerapan ICT telah membantu murid dalam mencapai objektif yang ditetapkan terutama sekali untuk murid yang rendah tahap pencapaian mereka. Secara keseluruhannya, walaupun peratusan hasil kajian tidak begitu tinggi, tidak bermakna bahawa usaha yang dijalankan tidak berjaya. Malahan, murid-murid telah menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam ujian lisan, khususnya, bahagian pertuturan. Murid melaporkan bahawa mereka berasa seronok mendengar rakaman mereka dan rakaman rakan-rakan kerana telah membantu mereka menilai tahap pencapaian mereka. Murid juga teruja dan ghairah untuk merakam suara mereka beberapa kali hingga mereka berasa puas hati dengan persembahan mereka. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran secara sendiri memang bermanfaat jika dipadankan dengan penggunaan teknologi.

Semasa pembelajaran secara sendiri dan dalam talian, murid diberi tanggungjawab untuk mengatur dan mengawas pembelajaran mereka. Contohnya, semasa menyelesaikan tugas dalam talian, murid harus memantau kemajuan mereka dan menyemak sendiri jika mereka memahami dan dapat melakukan tugas dengan baik. Jika tidak, murid harus tahu di mana dan bagaimana hendak mendapatkan pertolongan dan maklumat untuk



meningkatkan kemahiran (Candy, 2004; Petrides, 2002).

## KESIMPULAN

Kajian ini telah membolehkan guru meningkatkan kemahiran mereka dalam membuat kajian untuk meningkatkan kemahiran bertutur murid. Guru memberikan maklum balas bahawa dengan menggunakan ICT, murid tidak berasa malu untuk bertutur atau bercerita tentang gambar dan memberikan pandangan mereka terhadap situasi gambar yang diberikan. Hal ini berlaku kerana hanya diri murid itu sahaja yang dapat mendengar penceritaan mereka sendiri semasa melakukan rakaman.

Setelah merakam dan mendengar semula penceritaan mereka, murid tidak keberatan mengulangi rakaman sambil memperbaiki mana-mana bahagian yang dirasakan perlu. Suasana ini berbeza jika murid diminta bertutur tentang gambar secara lantang di hadapan kelas. Walaupun murid diberi peluang bercerita bersama rakan secara berpasangan, mereka tidak terangsang untuk bertutur buat kali kedua kerana mereka tidak dapat mendengar kembali isi-isi cerita dan mengenal pasti kekurangan atau mengesahkan kesilapan sebutan atau penggunaan kosa kata semasa pertuturan tersebut.

Semasa melakukan kajian, guru juga harus mengambil kira beberapa faktor, antaranya, persediaan murid menggunakan ICT dan persediaan komputer di rumah setiap murid. Guru juga harus melakukan persiapan mereka untuk menjalankan PdP menggunakan ICT kerana peranan guru sebagai fasilitator menjadi lebih penting berbanding pengajaran secara didaktik.

Usaha lanjutan boleh dijalankan untuk meningkatkan kemahiran murid contohnya dalam membina kemahiran penulisan dan interaksi. Guru dapat menjadikan kelemahan dan kekurangan yang dilalui semasa kajian ini sebagai pelajaran untuk kajian masa hadapan. Guru akur bahawa pembelajaran bahasa mengambil masa yang agak lama untuk melihat hasilnya, namun, setiap usaha untuk meningkatkan kemahiran murid pastinya akan bermanfaat kepada semua pihak.



Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Rohaizad Juri
2. Zarina Abu Bakar

## RUJUKAN

- Anderson, L.W., Krathwohl, D. (Ed). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: a revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*. New York: Longman, 2001.
- Candy, P. C. *Linking thinking: Self-directed learning in the digital age*. Commonwealth of Australia: Department of Education, Science and Training, 2004.
- Heinich, P. (Ed.). *Instructional media and the new technologies of instruction*. New York: Macmillan, 1996.
- Tan, Lynde., Koh, Joyce H.(2014). *Self-Directed Learning: Learning in the 21<sup>st</sup> Century Education*. Singapore: Ministry of Education.
- Tan, S.C., Divaharan, S., Tan, L.L.W, & Cheah, H.M. (2011). *Self-directed Learning with ICT: Theory, Practice and Assessment*. Singapore: Educational Technology Division, Ministry of Education.
- Arshad, M. (2005). Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan Literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Masalah Pendidikan*, hlm 269-278. Universiti Malaya
- Dancer, D., and Kamvounias, P., (2005). Student involvement in assessment: A project designed to assess class participation fairly and reliably. *Assessment & Evaluation in Higher Education* Vol. 30, hlm 445-454. Routledge.
- Hardre, P, L., & Reeve, J. (2003). A motivational model of rural students' intentions to persist in, versus drop out of high school. *Journal of Educational Psychology*, 95(2), hlm 347 - 356.



- Petrides, L. A. (2002). Web-based technologies for distributed (or distance) learning: Creating learning-centered educational experiences in the higher education classroom. *International Journal of Instructional Media*, 29(1), hlm 69-77.
- Standage, M., Duda, J. L., & Ntoumanis, N. (2005). A test of self-determination theory in school physical education. *British Journal of Educational Psychology*, 75(3), hlm 411-433.
- Sefton-Green, J. (2004). *Literature review of informal learning with technology outside school*. Bristol, England: Futurelab.
- Valas, H., & Sovik, N. (1993). Variables affecting students' intrinsic motivation for school mathematics: Two empirical studies based on Deci and Ryan's theory on motivation. *Learning and Instruction*, 3(4), hlm 281-298.

